



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL LIGA SUKAN UNITI
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024**

26 OKTOBER 2024 (SABTU)

7.30 PAGI

UPTOWN SPORTS, BANGI

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

PENDAHULUAN

1. Saya ingin menyampaikan ucapan salam hormat dari YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara yang tidak dapat bersama kita pada hari ini atas urusan rasmi yang lain. Oleh itu, saya akan membacakan ucapan penuh Menteri Perpaduan Negara.
2. Terdahulu saya mengucapkan terima kasih kepada para peserta yang **telah menyertai Karnival Liga Sukan UNITI Peringkat Kebangsaan Tahun 2024**. Kehadiran dan penyertaan anda semua dalam kejohanan ini amatlah bermakna **dalam menjayakan agenda perpaduan Kementerian Perpaduan Negara**.
3. Liga Sukan UNITI telah mula dilaksanakan pada tahun 2022 oleh Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Pada tahun ini, Liga Sukan UNITI Peringkat Negeri telah berlangsung pada bulan September dan Oktober telah menjadi satu platform yang sangat berjaya.

4. Sehingga kini, jumlah penyertaan di peringkat negeri dan kebangsaan telah melebihi 2,300 pasukan dengan anggaran pemain 23,000 peserta dari seluruh negara.
5. Penganjuran sukan kali ini turut mendapat kerjasama strategik daripada badan sukan utama negara seperti **Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Persatuan Bola Jaring Malaysia dan Persatuan Badminton Malaysia (BAM)**.
6. Kejohanan ini telah menetapkan syarat penyertaan pasukan daripada kaum yang berbeza. Penetapan syarat ini membolehkan setiap pemain dapat bergaul antara kaum yang berbeza seterusnya dapat memahami, menghormati dan menerima setiap perbezaan yang wujud di antara kita.
7. Selain itu juga, buat kali pertama pada tahun ini, **Liga Sukan UNITI Tahun 2024** telah diperluaskan penyertaan kepada kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah. Dengan sambutan yang menggalakkan ini, Kementerian Perpaduan Negara akan memberi pertimbangan agar **sukan tradisional dan sukan rakyat** turut dimasukkan dalam Liga Sukan Uniti tahun hadapan.

SEMARAK PERPADUAN MELALUI SUKAN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

8. Demi menyokong aspirasi perpaduan, **sukan adalah antara unsur yang dilihat sebagai medium penyatuan** pelbagai etnik yang paling berkesan di Malaysia. Hal ini kerana rakyat Malaysia secara umumnya amat sinonim dengan semangat kesukuan yang tinggi dalam masyarakat.
9. Penyertaan pelbagai pasukan sudah tentu memberikan pengiktirafan kepada pasukan yang beraksi cemerlang di peringkat yang lebih tinggi. Pada masa yang sama, Liga Sukan Uniti juga mewujudkan satu platform untuk memperkuuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat daripada pelbagai latar belakang kaum, bangsa dan agama.
10. Untuk makluman para hadirin juga, Karnival Liga Sukan UNITI Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 juga akan turut diserikan dengan pelbagai program *Signature* Kementerian Perpaduan Negara seperti Pameran Rumah Kami (dikenali Rumah Etnik), *FoodUnites*, dan Pertandingan Sukan Tradisional,

PENUTUP

- 11. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan strategik badan sukan utama negara serta para penaja iaitu Radio ERA sebagai penyampai radio strategik LSU 2024, Felet Sdn. Bhd sebagai penaja peralatan badminton, Ariz Group penaja minuman, Raqive Sdn. Bhd. penaja pakaian sukan muslimah, serta Khaf dan Wardah.**
- 12. Saya berharap agar semangat tinggi dalam sukan ini turut diterjemahkan dalam kehidupan sehari-hari agar perpaduan rakyat dan keharmonian terus terpelihara. Kebersamaan rakyat adalah kunci kejayaan negara dan penting dalam mengukuhkan tempat di persada dunia. Sentiasa kita beringat pada pepatah “**Bersatu Kita Teguh Bercerai Kita Roboh.****
- 13. Dengan ini saya merasmikan Liga Sukan UNITI Peringkat Kebangsaan Tahun 2024.**